



SEL 101

பெற்றோர் ஆசிரியர் சங்கம்  
தேசிய வகை தமிழ்ப்பள்ளி சிம்பாங் லீமா  
**PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU-GURU**  
**SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) SIMPANG LIMA**  
TAMAN SRI ANDALAS, 41200 KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN

Tarikh : 1hb Oktober 2013

Ruj. Kami: Bil (40) dlm.SJKTSL /JMM2013/001

YB/Dato/Encik/Puan/Cik

.....  
.....

**Per: JAMUAN MAKAN MALAM 2013 – Anjuran PIBG SJK(T) Simpang Lima.**

SJK (Tamil) Simpang Lima, Klang telah ditubuhkan pada tahun 1904 dan kini menjangkau usia 109 tahun. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah Tamil yang tertua di negeri Selangor D.E. Sekolah ini telah diisytiharkan sebagai sekolah Kluster oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada 30 Mac 2007. Kini dengan bilangan murid seramai lebih 2400 orang, sekolah ini menjadi sekolah Tamil yang terbesar di Malaysia. Penambahan murid yang drastik setiap tahun menyebabkan keperluan sekolah dari segi kemudahan prasana semakin meningkat.

Dengan suka citanya dimaklumkan bahawa Persatuan Ibu bapa dan Guru Sekolah SJK(T) Simpang Lima ingin mengadakan satu jamuan makan malam untuk mengumpul dana bagi menampung kos pembinaan dewan **terbuka di tapak perhimpunan/tempat letak kereta**. Sehubungan dengan ini, pihak kami memohon pada pihak tuan, untuk menaja salah satu daripada penajaan korporat seperti berikut:-

(i)	Meja Platinum	RM	50,000	} Penajaan Korporat
(ii)	Meja Emas	RM	15,000	
(iii)	Meja Perak	RM	5,000	
(iv)	Meja Biasa	RM	1,000	

2. Butir-butir Jamuan Makan Malam adalah seperti berikut:-

Tarikh/Masa : 10.11.2013 (Ahad) @ 7.01 malam - 11.00 malam

Tempat : Midlands Convention Centre, Shah Alam, Negeri Selangor.

3. Sehubungan dengan ini, tuan/puan yang ingin membeli kad jamuan Makan Malam, diminta menyumbangkan secara tunai atau melalui cek berpaling atas nama "**PIBG SJK(T) SIMPANG LIMA**". Manakala sumbangan kewangan melalui pemindahan secara online boleh dilakukan melalui Akaun PIBG : **Hong Leong Bank**. No.Akaun: **06700050907** atas nama **PIBG SJK(T) SIMPANG LIMA**. Pihak kami amat menghargai sumbangan dan sokongan pihak tuan. Sekian Terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

(En.R RAMACHANDRAN)  
YDP PIBG

(Pn. K.KOGILAVANY)  
Guru Besar



**JAMUAN MAKAN MALAM 2013, SJK (T) Simpang Lima, Klang**

Saya dengan ini bersetuju menyumbangkan untuk Jamuan Makan Malam 2013 SJK (T)  
Simpang Lima, Klang

Dengan ini, saya menyertakan Wang Tunai / Cek Berpalang bernombor .....  
yang bernilai RM.....

Nama : .....

Alamat : .....

Tel (Rumah/ Pejabat) : ..... Fax : .....

Tel bimbit (HP) : ..... Email : .....

..... Tarikh : .....  
(Tandatangan )

**Nota :**

- (i) Sumbangan berbentuk cek sila tulis atas nama PIBG SJK(T) SIMPANG LIMA**
- (ii) Sumbangan berbentuk pemindaan tunai secara online: PIBG SJK(T) SIMPANG LIMA**  
**No Akaun : 06700050907 Hong Leong Bank**

**Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja**

Diluluskan Oleh : .....

Nombor Resit : .....

Catatan : .....